

Persekitaran Perniagaan yang Berubah

BAB 2

Halangan Perdagangan yang Semakin Berkurang

24

Peluang dan Cabaran Baharu bagi PKS

26



Globalisasi dan transformasi ekonomi yang berlaku dalam ekonomi negara menyediakan peluang dan cabaran baharu untuk PKS di Malaysia. Halangan perdagangan yang semakin berkurang dan kemajuan teknologi mengubah corak perdagangan domestik dan antarabangsa Malaysia. Kemunculan China dan India sebagai rakan perdagangan yang penting pula merupakan ciri utama persekitaran ekonomi yang berubah.

1. Halangan Perdagangan yang Semakin Berkurang

Usaha ke arah liberalisasi merupakan ciri utama persekitaran domestik dan global. Ekonomi di seluruh dunia semakin terbuka dan terdedah kepada persaingan yang hebat. Pembaharuan perdagangan di dalam dan luar negeri sedang dilaksanakan dan liberalisasi rejim perdagangan dijangka berterusan, tarif telah berkurang dan akan terus menurun, dan tekanan untuk menghapuskan halangan bukan tarif akan menjadi semakin ketara.

Sebagai salah sebuah ekonomi paling terbuka di dunia, Malaysia terus menambahkan langkah liberalisasinya dan makin berintegrasi dengan ekonomi dunia. Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2006 merupakan 202% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Pada tahun 2006, Malaysia berada pada kedudukan ke-19 ekonomi yang paling global (AT Kearney's Globalisation Index).

Perjanjian perdagangan pelbagai hala dan dua hala dalam kalangan negara di rantau Asia sedang mempercepat proses integrasi ini dan mengubah sifat perdagangan dan aliran modal serantau. Pertubuhan Perdagangan Sedunia (World Trade Organisation, WTO) menganggarkan terdapat kira-kira 300 Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement, FTA) yang membabitkan negara anggota ASEAN pada akhir tahun 2005. Perjanjian FTA ASEAN-China dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun merupakan antara perjanjian yang terpenting. Kesan pengurangan tarif dan kesan tidak langsung lain dijangka meningkatkan perdagangan antara ASEAN dengan China, dan antara ASEAN dengan Jepun.


Pada tahun 2006, jumlah perdagangan Malaysia melepasi paras RM1 trilion, sebahagian besarnya disumbang oleh eksport yang merupakan lebih daripada 55% daripada jumlah perdagangan. Nilai perdagangan tertinggi datangnya dari Asia Timur Laut iaitu sebanyak RM348 bilion, disusuli oleh ASEAN sebanyak RM271 bilion, Amerika Utara sebanyak RM177 bilion dan Kesatuan Eropah (European Union, EU) sebanyak RM130 bilion.

Corak Perdagangan yang Berubah

Berlatarbelakangkan corak perdagangan global yang berubah-ubah dan integrasi serantau yang lebih kukuh, kumpulan rakan perdagangan utama Malaysia dijangka terus berubah.

Pada masa lalu, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan EU merupakan pasaran utama untuk eksport Malaysia. Pada masa hadapan, perdagangan Malaysia dengan Asia Timur dan Selatan dijangka semakin meningkat, terutamanya dengan China dan India yang bakal menjadi destinasi eksport yang penting bagi Malaysia. Eksport ke China mencatat peningkatan nilai terbesar pada tahun 2006, berbanding dengan mana-mana pasaran lain, manakala eksport ke India mencatat pertambahan nilai kelima tertinggi pada tahun 2006.

Hala Tuju Eksport (% bahagian)



¹ Negara ASEAN terpilih tidak termasuk Singapura

² Hong Kong SAR, Korea dan China Taipei

Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2006

China dijangka terus menjadi rakan perdagangan Malaysia yang semakin penting. Kini China merupakan rakan perdagangan Malaysia yang keempat terbesar, dengan nilai perdagangan yang meningkat hampir lapan kali ganda, daripada RM9.2 bilion pada tahun 1995 kepada RM85.1 bilion pada tahun 2005. China dilihat sebagai pendorong utama pengintegrasian ekonomi negara-negara Asia Timur dan merupakan faktor yang semakin penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang kukuh di rantau ini.

Dengan ekonomi Asia Timur dan Selatan dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan yang secara relatif tinggi, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mendapat manfaat daripada peluang pertumbuhan di rantau ini. Terdapat banyak faktor yang menjadikan Malaysia destinasi perkilangan yang menarik. Meskipun negara ini ditempatkan pada kedudukan ketiga selepas India dan China dalam AT Kearney's 2006 Labour Cost Advantage Index, sejauh mana Malaysia dapat mengambil peluang ini bergantung pada kemampuan negara meningkatkan tahap daya saingnya.



2. Peluang dan Cabaran Baharu Bagi PKS

Proses globalisasi telah mewujudkan peluang dan cabaran bagi PKS di Malaysia. Peluang utama untuk PKS datangnya daripada pemanfaatan Perjanjian Perdagangan Bebas yang menurunkan halangan tarif dan bukan tarif dalam pasaran global. Langkah ini memberikan peluang kepada PKS menembusi pasaran baharu untuk menjual produk mereka, dan akses yang lebih mudah kepada teknologi, modal, tenaga kerja dan input pengantara.

Walau bagaimanapun, persekitaran perdagangan yang lebih bebas dan liberal mewujudkan persaingan baharu dalam bentuk peserta baharu yang boleh menjejaskan bahagian pasaran tradisional. Peningkatan perdagangan antarabangsa juga boleh menyebabkan PKS lebih mudah terjejas kepada kejutan luaran dan ia perlu mengambil kira faktor ini dalam perancangan perniagaannya. Piawai alam sekitar yang makin meningkat dalam rantai bekalan global juga bermakna PKS tempatan perlu meningkatkan pelaburan dalam teknologi dan piawai yang lebih mesra alam. Oleh itu, PKS di Malaysia menghadapi cabaran untuk meningkatkan tahap daya saing keseluruhan jika mereka ingin mengekalkan bahagian pasaran domestik, dan menembusi pasaran baharu di luar negeri.



Ruang pertumbuhan buat PKS Malaysia

Peranan PKS dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara sudah termaklum. PKS merupakan lebih daripada 99% daripada jumlah bilangan perusahaan namun hanya menyumbang 32% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), berbanding dengan sumbangan melebihi 40% daripada KDNK dalam ekonomi serantau lain seperti Thailand, Taiwan dan Korea - yang menunjukkan wujudnya peluang yang luas untuk PKS meningkatkan peranan mereka.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, struktur ekonomi Malaysia yang dinamik makin giat menyesuaikan diri untuk mewujudkan persekitaran baharu yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pembangunan saksama. Paling ketara, peranan penggunaan swasta telah bertambah dan kian menjadi pemacu pertumbuhan yang penting. Ini disokong oleh pendapatan yang semakin meningkat, kadar pengangguran yang rendah dan akses yang lebih baik kepada sistem kewangan. Sektor perkilangan terus menaiki rantai nilai, beralih kepada perkilangan dengan nilai ditambah dan kemahiran yang lebih tinggi dan semakin intensif pengetahuan. Sektor perkhidmatan juga memainkan peranan yang makin penting dengan bahagian KDNK yang meningkat daripada 45% pada tahun 1995 kepada hampir 60% pada tahun 2006. Pelbagai bidang pertumbuhan baharu juga sedang muncul, antaranya industri perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga, perniagaan tani dan bioteknologi.

PKS Malaysia perlu menyedari tentang transformasi ekonomi yang berterusan dan menyahut cabaran memperlengkapkan diri masing-masing dengan keupayaan, kapasiti dan kefleksibelan untuk berubah demi memenuhi corak permintaan yang berubah

PKS Malaysia perlu menyedari transformasi ekonomi yang berterusan dan menyahut cabaran untuk memperlengkapkan diri masing-masing dengan keupayaan, kapasiti dan kefleksibelan untuk berubah bagi memenuhi corak permintaan yang berubah. Sekiranya pertumbuhan jangka sederhana ingin dikekalkan, PKS domestik perlu mempertingkatkan produktiviti dan menaiki rantai nilai ditambah ke bidang baharu yang mereka mempunyai kelebihan bersaing dan menghasilkan produk dan perkhidmatan baharu yang akan disampaikan melalui saluran penyampaian yang moden dan lebih cekap.

Perkembangan dan Pertumbuhan PKS Antarabangsa

Negara	Ukuran yang digunakan dalam definisi PKS	% daripada jumlah pertumbuhan	% daripada jumlah tenaga kerja	% sumbangan PKS kepada KNDK
Malaysia (2005)	Pekerjaan dan jualan	99.2	56.4	32.0
Jepun (2004)	Pekerjaan dan aset	99.7	71.0	55.3
Chinese Taipei (2005)	Pekerjaan, jualan dan modal	98.0	76.9	40.0
Korea (2003)	Pekerjaan dan aset	99.8	86.5	49.4
Thailand (2002)	Pekerjaan dan aset tetap	99.6	69.0	38.9
Singapura (2004)	Pekerjaan dan aset tetap	90.0	45.0	25.0
Jerman (2003)	Pekerjaan dan jualan	99.7	79.0	49.0
China (2004)	Pekerjaan, jualan dan aset	99.0	75.0	56.0
Filipina (2003)	Pekerjaan dan aset	99.6	70.0	32.0

Sumber:	Malaysia	Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005
	Jepun	www.jasme.go.jp - Japan Finance Corporation for Small and Medium (JASME Annual Report 2005-2006), Establishment and Enterprise Census 2004
	Chinese Taipei	White Paper on Small and Medium Enterprise in Chinese Taipei 2006
	Korea	www.smba.go.kr - Small and Medium Business Administration (SMBa)
	Thailand	White Paper on SMEs in Thailand 2002, OSMEP
	Singapura	www.sme.gov.cn - Financing Environment for SMEs in Singapore
	Jerman	www.ifm-bonn.org - SMEs in Germany Facts and Figures 2004
	China	www.sme.gov.cn - Small and Medium Size Enterprises Main Source of Jobs www.apecsmea.org - The development Status Quo and Policies for China SMEs
	Filipina	www.dti.gov.ph - 2003 Census on Business Establishments

Dalam menangani cabaran utama ini, pelbagai program Kerajaan disediakan untuk membantu PKS mempertingkatkan daya saing mereka:

- Terdapat beberapa program latihan untuk membantu PKS menerusi pemberian bantuan dalam bidang seperti persijilan mutu dan kecekapan pemprosesan. Latihan Pemakaian Standard oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation, MOSTI), dan Latihan Program Prestasi Produktiviti oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry, MITI) merupakan contoh program khusus untuk membantu meningkatkan prestasi PKS;
- Pakatan strategik dan perkongsian global dianggap sebagai batu loncatan untuk PKS meningkatkan daya saing. Menerusi aktiviti perkongsian seperti penghubungan, rangkaian dan kelompok, yang dengannya PKS bertindak sebagai pelanggan atau subkontraktor kepada perusahaan yang lebih besar, PKS berupaya meraih manfaat daripada pemerolehan pengetahuan dan hubungan, pengembangan teknologi dan pembangunan keupayaan. Perusahaan lebih besar pula mendapat manfaat daripada kos pengeluaran yang lebih rendah dan akses pasaran yang lebih besar. Program Rangkaian Perindustrian (Industrial Linkage Programme, ILP) oleh MITI contohnya, menghubungkan PKS dengan syarikat multinasional dan industri berskala besar di dalam dan luar negeri. Di bawah ILP, PKS memperoleh akses kepada bakal rangkaian pelanggan dan pembekal dan menerima bantuan dalam bidang penting seperti persijilan mutu dan peningkatan kecekapan pemprosesan yang membantu meningkatkan tahap daya saing mereka;
- Program Pembekal Global oleh Perbadanan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (Small and Medium Industries Development Corporation, SMIDEC) mempertingkatkan latihan dalam kemahiran penting dengan menyediakan penghubungan kepada syarikat multinasional dan syarikat yang besar. Menerusi aktiviti mentor di bawah program ini, PKS berupaya menjadi pembekal untuk alat dan komponen yang berdaya saing bukan sahaja kepada syarikat multinasional di Malaysia, malah kepada operasi mereka di seluruh dunia;
- Aktiviti promosi produk di bawah Program Promosi Pasar Raya Besar oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membantu PKS mendapat akses kepada pasaran baharu di dalam dan luar negeri;



Persekitaran yang berubah-ubah mewujudkan peluang dan cabaran yang semakin banyak. PKS yang berjaya meningkatkan tahap daya saing mereka akan berada pada kedudukan yang baik untuk bersaing

- Jawatankuasa Pemasaran PKS telah ditubuhkan pada tahun 2006 untuk mempertingkatkan lagi penyelarasan inisiatif Kerajaan dalam merancang dan melaksanakan strategi pemasaran luar negeri dan pada masa yang sama, mengoptimumkan penggunaan sumber dan kepakaran. Jawatankuasa ini, yang merupakan usaha antara Kementerian yang dipengerusikan oleh MITI akan menghasilkan strategi pemasaran dan pendekatan pelaksanaan yang komprehensif. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysian External Trade Development Corporation, MATRADE) kemudiannya akan melaksanakan pelan tindakan ini untuk memastikan PKS menerima manfaat maksimum; dan
- Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan mempertingkatkan tahap daya saing PKS, peningkatan mutu dan standard produk dan perkhidmatan turut diberikan penekanan. Standard Malaysia untuk Produk dan Perkhidmatan oleh MOSTI dan Program Penjenamaan untuk Produk Asas Tani oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merupakan dua contoh program yang diwujudkan untuk membantu PKS meningkatkan standard dan penjenamaan produk secara keseluruhan.

Persekitaran yang berubah-ubah mewujudkan peluang dan cabaran yang semakin banyak. PKS yang berjaya meningkatkan tahap daya saing mereka akan berada pada kedudukan yang baik untuk bersaing. Kerajaan telah menyediakan pelbagai program dalam bidang penting, seperti mempertingkatkan produktiviti dan menggunakan teknologi terkini, untuk memastikan PKS bersedia menghadapi cabaran.

Pertumbuhan Ekonomi Global pada Tahun 2006



Ekonomi dunia dijangka meningkat pada kadar melebihi 4% bagi tahun kelima berturut-turut pada tahun 2007. Kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) berikutan pasaran perumahan yang merosot, harga minyak yang tinggi dan perbelanjaan pengguna yang menurun dijangka mengurangkan permintaan import AS. Namun, pertumbuhan ekonomi Eropah dan Asia yang lebih kukuh akan membantu menyokong pertumbuhan global yang lebih seimbang pada tahun 2007.

Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2005	2006a	2005	2006a
Pertumbuhan Dunia	4.9	5.0	-	-
Perdagangan Dunia	7.4	8.0	-	-
Negara Perindustrian Utama	2.6	2.9	2.3	2.3
Amerika Syarikat	3.2	3.3	3.4	3.2
Jepun	1.9	2.2	-0.3	0.2
Kawasan Euro	1.4	2.7	2.2	2.2
United Kingdom ¹	1.9	2.7	2.1	2.3
Asia Timur	7.5	7.9	3.1	3.0
Ekonomi Perindustrian Baru (NIE)	4.8	5.4	2.2	1.6
Asia	4.0	5.0	2.7	2.2
Korea	4.1	4.6	2.3	0.6
Chinese Taipei	6.6	7.9	0.5	1.0
Singapura	7.5	6.8	1.0	2.0
Hong Kong SAR ²	10.4	10.7	1.8	1.5
Republik Rakyat China	5.4	5.8	5.9	6.8
Asean³				
Malaysia	5.2	5.9	5.9	6.8
Thailand	4.5	5.0	3.0	3.6
Indonesia	5.6	5.5	10.4	13.3
Filipina	5.0	5.4	7.6	6.3

¹ Inflasi berdasarkan indeks harga pengguna terharmoni Eurostat

² Inflasi merujuk kepada harga komposit

³ Termasuk Singapura

a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pihak berkuasa negara dan anggaran Bank Negara Malaysia



Ekonomi yang pesat pertumbuhannya seperti China dan India dijangka terus memacu pertumbuhan perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Prestasi ekonomi Jepun yang mampan merupakan satu lagi faktor utama yang mengekalkan permintaan global yang dijangkakan pada tahun 2007. Pada keseluruhannya, pertumbuhan di rantau Asia dijangka terus menggalakkan, dengan kadar pertumbuhan yang dijangka lebih tinggi hasil daripada permintaan dalam dan luar negeri yang semakin kukuh. Tekanan inflasi di kebanyakan negara dijangka menjadi sederhana, dengan kadar inflasi berpurata pada 3.2%.

Prestasi perdagangan Malaysia dijangka kekal positif bagi tahun 2007 lantaran persekitaran ekonomi global yang terus berkembang. Eksport Malaysia ke rakan perdagangan utama dijangka terus meningkat; dengan unjuran kadar pertumbuhan sebanyak 9.6% untuk China dan 7.7% untuk India.